



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

## **PEKELILING PENDAFTAR**

**Bilangan 05/2011**

Kepada  
Dekan Fakulti/Pengarah Kampus/  
Ketua Jabatan/Ketua Pusat/Ketua Unit  
Universiti Teknologi MARA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

### **TAWARAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI STAF PENTADBIRAN UiTM (KUMPULAN SOKONGAN GRED 17 HINGGA GRED 40)**

Staf pentadbiran Universiti Teknologi MARA yang berjawatan Kumpulan Sokongan Gred 17 hingga Gred 40 yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan adalah dipelawa untuk memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Bagi Staf Pentadbiran UiTM tahun 2011 bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma (Kumpulan Sokongan Gred 17 hingga Gred 26) dan Ijazah Sarjana Muda (Kumpulan Sokongan Gred 27 hingga Gred 40).

#### **1.0 Syarat-Syarat Permohonan**

##### **1.1 Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (Kumpulan Sokongan Gred 17 hingga Gred 26)**

**Peringkat Diploma**

**Syarat Kelayakan:**

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berjawatan tetap;

- c. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;
- d. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan Universiti Teknologi MARA;
- e. Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;
- f. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;
- g. Penilaian Prestasi Tahunan adalah minimum 90% bagi tempoh tiga (3) tahun terkini berturut-turut; dan
- h. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

**1.2 Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa  
(Kumpulan Sokongan Gred 27 hingga Gred 40)**

**Peringkat Ijazah Sarjana Muda**

**Syarat Kelayakan:**

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berjawatan tetap;
- c. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;
- d. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan Universiti Teknologi MARA;
- e. Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;
- f. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;
- g. Penilaian Prestasi Tahunan adalah minimum 90% bagi tempoh tiga (3) tahun terkini berturut-turut;
- h. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang; dan
- i. Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) dengan CGPA 3.00 dan ke atas atau setaraf dengannya.

**1.3 Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa  
(Yuran Pengajian Ditanggung UiTM)  
(Kumpulan Sokongan Gred 17 hingga Gred 26)**

**Peringkat Diploma**

**Syarat Kelayakan:**

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berjawatan tetap;
- c. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;
- d. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan Universiti Teknologi MARA;
- e. Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;
- f. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;
- g. Penilaian Prestasi Tahunan adalah minimum 85% bagi tempoh tiga (3) tahun terkini berturut-turut; dan
- h. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

**1.4 Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa  
(Yuran Pengajian Ditanggung UiTM)  
(Kumpulan Sokongan Gred 27 hingga Gred 40)**

**Peringkat Ijazah Sarjana Muda**

**Syarat Kelayakan:**

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berjawatan tetap;
- c. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon;
- d. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan Universiti Teknologi MARA;
- e. Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;
- f. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib;
- g. Penilaian Prestasi Tahunan adalah minimum 85% bagi tempoh tiga (3) tahun terkini berturut-turut;
- h. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang; dan
- i. Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditetapkan oleh Universiti) dengan CGPA 3.00 dan ke atas atau setaraf dengannya.

**1.5 Tempoh Pengajian**

Tempoh pengajian Cuti Belajar Bergaji penuh adalah di antara dua (2) hingga tiga (3) tahun dengan tempoh maksima ialah tiga (3) tahun sahaja dan ianya tertakluk kepada keputusan Universiti.

**1.6 Tempat Pengajian**

Tempat pengajian Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah di Universiti Teknologi MARA sahaja.

**1.7 Bidang Pengajian**

Bidang pengajian Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada keputusan Universiti.

**2.0 Pemilihan**

Semua staf yang dicalonkan akan melalui sesi temuduga yang akan diuruskan oleh pihak Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), Pejabat Pendaftar. Keputusan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) Universiti Teknologi MARA adalah muktamad.

### **3.0 Tatacara Permohonan**

Calon-calon perlu membuat permohonan secara atas talian (online) mulai **10.02.2011** melalui portal i-staff e-Biasiswa Sokongan di laman web rasmi UiTM [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my).

Permohonan yang tidak melalui e-Biasiswa Sokongan **TIDAK AKAN DIPROSES**.

**Tarikh tutup permohonan** adalah pada **25.02.2011**.

### **4.0 Pertanyaan**

Semua pertanyaan atau kemosykilan dalam urusan ini hendaklah dirujuk kepada:

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
SELANGOR


- i) Cik Rohanah A. Kadir  
Timbalan Pendaftar (Biasiswa)  
Telefon: 03-55443098
- ii) Cik Nor Azlina Ismail  
Penolong Pendaftar (Biasiswa)  
Telefon: 03-55443105

Faks: 03-55443102

Sukacita sekiranya perkara ini dapat disampaikan ke pengetahuan semua staf pentadbiran di bawah selian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR  
Pendaftar

Bil. Fail : 100-BPD(BPS/PT.6/3)  
Tarikh : 8 Februari 2011